



KERATAN AKHBAR

ISU-ISU INTEGRITI TAHUN 2025
(DISEMBER)



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



BERITA HARIAN
02.12.2025 (SELASA)

Rasuah RM1,500 satu 'trip' seludup rokok

Pegawai risik tentera didakwa minta suapan di perairan Selatan Johor

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Seorang pegawai kanan perisikan tentera berpangkat Leftenan Kolonel, diadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan meminta rasuah bagi setiap 'trip' penyeludupan rokok yang berlaku di perairan Selatan Johor.

Tertuduh, Leftenan Kolonel Kamarulzaman Ali, 53, mengaku tidak bersalah sejurus kertas pertuduhan dikemukakan terhadap

nya di hadapan Hakim, Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan pertuduhan, Kamarulzaman sebagai Ketua Cawangan Rancang dan Kempen Gerak Saraf Perang Saraf di Malaysian Defence Intelligence Organisation (MDIO) secara rasuah meminta suapan iaitu wang tunai berjumlah RM1,500 untuk setiap 'trip' penyeludupan rokok yang berjaya mendarat di perairan selatan Johor, daripada dua individu.

Tindakan itu sebagai dorongan tertuduh tidak melaporkan penyeludupan rokok di daerah Kota Tinggi yang sepatutnya dilaporkan mengikut tugasannya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah warung di Teluk Ramunia, Pengerang dekat Kota Tinggi, sekitar Oktober tahun 2022.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 16(a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima

kali jumlah suapan atau RM10,000 mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Athirah Mohd Azuarizanuddin, tidak menawarkan sebarang jaminan berikutan kesalahan ini tidak boleh dijamin.

Bagaimanapun peguam, S Sangkari yang mewakili tertuduh memohon agar jaminan dibenarkan atas beberapa faktor, termasuk tertuduh masih bertugas dan menanggung ibu yang uzur, isteri dan anak berusia 21 tahun yang masih belajar di institusi pendidikan tinggi (IPT).

"Tertuduh mempunyai gaji bersih RM6,204. Kami juga memohon agar pasport tertuduh tidak ditahan mahkamah berikutan tiada kebarangkalian tertuduh melarikan diri dan jika tertuduh mempunyai tugas ke luar negara, pergerakannya akan dimaklumkan kepada mahkamah.

"Kami juga memohon agar tertuduh diberi jaminan yang mu-

nasabah RM10,000," hujahnya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 oleh seorang penjamin warga tempatan serta perlu melaporkan diri sebulan sekali tanpa gagal di Pejabat SPRM Kuala Lumpur.

Satu lagi pertuduhan

Dalam pada itu Athirah dalam permohonan kepada mahkamah, meminta kes itu dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur mengikut Seksyen 104 Akta Mahkamah Rendah 1948, berikutan tertuduh juga sudah didakwa dengan satu lagi pertuduhan rasuah 31 Oktober lalu.

Mahkamah kemudian membenarkan kes tersebut dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Jenayah SPRM Kuala Lumpur.

Pada 14 Oktober lalu, SPRM melancarkan Ops Sohor melalui Bahagian Operasi Khas bagi membanteras kegiatan rasuah, kebocoran maklumat ketenteraan dan salah guna kuasa dalam



Kamarulzaman dituduh minta rasuah tiga tahun lalu di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.

(Foto Omar Ahmad/BH)

kalangan pegawai perisikan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Operasi itu dijalankan hasil risikan bersama Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan pasukan keselamatan lain selepas maklumat menunjukkan wujud unsur salah guna kedudukan serta penyelewengan maklumat operasi ketenteraan berkait sindiket penyeludupan.

Risikan mengesan sebahagian wang hasil aktiviti haram tersebut dimasukkan ke dalam akaun peribadi serta digunakan untuk membeli aset mewah, termasuk kenderaan dan hartanah di sekitar Lembah Klang.



HARIAN METRO
02.12.2025 (SELASA)

Leftenan kolonel nafi minta rasuah RM1,500

Johor Bahru: Seorang pegawai kanan tentera berpangkat leftenan kolonel mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru di sini, semalam atas pertuduhan meminta rasuah 'trip' penyeludupan rokok, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Kamarulzaman Ali, 53 membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikut kertas pertuduhan, Kamarulzaman sebagai Ketua Cawangan Rancang dan Kempen Gerak Saraf Pe-

rang Saraf di Pertubuhan Perisikan Pertahanan Malaysia secara rasuah meminta suatu suapan iaitu wang tunai berjumlah RM1,500 untuk setiap 'trip' penyeludupan rokok yang berjaya mendarat di perairan selatan Johor, daripada dua individu.

Tindakan itu sebagai suatu dorongan agar tertuduh tidak melaporkan aktiviti penyeludupan rokok di daerah Kota Tinggi yang sepatutnya dilaporkan mengikut tugasannya.

Kesalahan didakwa dilakukan di sebuah warung di Teluk Ramunia, Pengerang de-

kat Kota Tinggi; sekitar Oktober 2022.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 16(a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali jumlah suapan atau RM10,000 mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Athirah Mohd Azuarizanu-ddin yang tidak menawarkan sebarang jaminan berikutan kesalahan ini tidak boleh dijamin.

Bagaimanapun, peguam S Sangkari yang mewakili tertuduh memohon jaminan dibenarkan atas beberapa faktor termasuk tertuduh yang masih bertugas dan menanggung ibu yang uzur, isteri dan anak berusia 21 tahun yang masih belajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin warga tempatan serta perlu melaporkan diri sebulan sekali tanpa gagal di Pejabat SPRM Kuala Lumpur.



HARIAN METRO
05.12.2025 (JUMAAT)

Albert dituduh beri suapan RM176,829.03

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim dan
Suharmin Yusuf
am@hmetro.com.my

Sebagai dorong membantu syarikat dapat kelulusan lesen penerokaan mineral di Sabah

Kuala Lumpur

Alhli perniagaan, Albert Tei yang didakwa memberi rasuah kepada bekas Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin di-budapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas empat pertuduhan.

Albert Tei atau nama sebenarnya Tei Jinn Cheing, 37, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan meniadakan terhadap kesemua pertuduhan itu.

Mengikut pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Sazana Hussin, Albert didakwa memberikan suapan berbentuk wang tunai, kelengkapan perabot dan barangan elektrik keseluruhan berjumlah RM176,829.03 kepada Shamsul Iskandar.

Pemberian itu didakwa sebagai dorongan membantu syarikatnya mendapatkan kelulusan lesen penerokaan mineral di Sabah, walaupun sebenarnya perbuatan itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal perniagaannya.

Kesalahan berkenaan ditukarkan di tiga lokasi berasingan iaitu tempat letak kereta sebuah hotel di Jalan Sultan Hishammuddin, sebuah premis di Bukit Badaraya dan Presint 14, Putrajaya antara 24 November 2023 hingga 5 Mac 2024.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh di-hukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama, membawa



ALBERT Tei tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam. - Gambar NST/ASWADI ALIAS

hakuman penjara 20 tahun dan denda sehingga lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pendakwa kes diken-dahkan Timbalan Pendak-wa Raja SPRM, Farah Elin Yusop Khan manakala ter-buduh diwakili peguam Lathiefa Koya, Eric Paulsen, Mahajoth Singh, N Surendran dan Rajesh Nagarajan.

Lathiefa yang mewakili tertuduh memohon jumlah jaminan yang rendah kerana anak guanya mempunyai kes pertuduhan lain di Sabah dan sepan-jang tem-

poh itu tidak pernah gagal hadir melapor diri di pejabat SPRM Kuala Lumpur.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM70,000 dengan dua penjamin warga tempatan bersama syarat tambahan lain iaitu pas-por di serahkan kepada mahkamah sehingga kes terbabit selesai, melapor-kan diri di pejabat SPRM terdekat setiap bulan dan tidak mengganggu saksi.

Mahkamah turut menetapkan tarikh 8 Januari 2026 untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Terdahulu di mahkamah sama, Shamsul Iskandar

didakwa atas empat pertuduhan bersetuju menerima rasuah dan menerima suapan terbabit daripada Albert.

Pada 27 November lalu, tiga individu termasuk seorang wanita, Sofia Rini Bayong ditahan SPRM bagi membantu siasatan berhubung dakwaan rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, kes terbabit diklasifikasikan sebagai berkepentingan awam kerana membabitkan pegawai kanan kerajaan manakala Albert menjadi individu paling penting dalam siasatan dakwaan terbabit.

Beliau berkata, Sofia tidak dituduh dan dia ditetapkan sebagai saksi pendakwa.

Mahkamah turut menetapkan tarikh 8 Januari 2026 untuk sebutan semula kes



HARIAN METRO
05.12.2025 (JUMAAT)

Dibebas selepas ikat jamin RM70,000

Kuala Lumpur: Ahli perniagaan, Albert Tei yang berdepan empat pertuduhan rasuah dibebaskan selepas membayar ikat jamin di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam.

Albert Tei atau nama penuhnya, Tei Jiann Cheing, 37, dibebaskan dengan jaminan berjumlah RM70,000 seperti diperintahkan Hakim Mahkamah Sesyen Suzana Hussin.

Bayaran jaminan itu diselesaikan isterinya, Lee Pei Ree, bersama seorang rakan yang bertindak sebagai penjamin.

Terdahulu, Albert mengaku tidak bersalah atas empat pertuduhan memberi suapan berbentuk wang tunai, kelengkapan perabot dan barangan elektrik keseluruhan berjumlah RM176,829.03 kepada bekas Setiausaha Politik Kanan

Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin.

Dia didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama, membawa hukuman penjara 20 tahun serta denda sehingga lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana

lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian membenarkan Albert diikat jamin 70,000 dengan dua penjamin serta syarat tambahan melapor diri di Pejabat SPRM sekali sebulan, pasport diserahkan kepada mahkamah dan tidak ganggu saksi pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 8 Januari 2026.



BERITA HARIAN 05.12.2025 (JUMAAT)



SHAMSUL Iskandar tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur bagi berdepan pertuduhan kes rasuah. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

Bayar ikat jamin melalui kutipan sumbangan rakan

Kuala Lumpur: Bekas Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin yang berdepan empat pertuduhan rasuah, dibebaskan selepas membayar ikat jamin semalam.

Shamsul Iskandar, 51, menyelesaikan jaminan RM150,000 seperti diperintahkan Mahkamah Sesyen, melalui kutipan sumbangan daripada rakan.

Peguam bela Shamsul Iskandar, Mohd Yusmadi Yusoff berkata, pihaknya dapat menyediakan wang jaminan melalui bantuan daripada kalangan pimpinan parti PKR dan rakan anak guamnya itu.

Menurutnya, Shamsul Iskandar tidak mampu menyediakan wang jaminan seperti yang ditetapkan mahkamah.

"Alhamdulillah kita dapat sediakan wang jamin melalui bantuan daripada kalangan pimpinan parti dan kawan-kawan.

"Esok (hari ini) di Mahkamah Shah Alam, kita akan minta jaminan sama digunakan," katanya di sini, semalam.

Walaupun dibebaskan, Shamsul Iskandar terikat dengan syarat tambahan ditetapkan oleh Mahkamah Sesyen iaitu perlu melapor diri di Pejabat SPRM terdekat setiap bulan, tidak mengganggu saksi dan menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Terdahulu, Shamsul Is-

kandar mengaku tidak bersalah serta minta dibicarakan atas empat pertuduhan rasuah berjumlah RM176,829.03, dua tahun lalu.

Shamsul Iskandar sebagai ejen kerajaan iaitu Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri didakwa bersetuju menerima suapan RM100,000 daripada Albert sebagai dorongan membantu syarikat lelaki itu mendapatkan kelulusan lesen penerokaan mineral di Sabah di tempat letak kereta sebuah hotel di Jalan Sultan Hishamuddin di sini, pada 24 November 2023.

Mengikut pertuduhan lain, tertuduh didakwa memperoleh wang tunai RM40,000 daripada individu sama manakala bagi dua lagi pertuduhan, dia didakwa memperoleh kelengkapan perabot dan barangan elektrik bernilai RM36,829 daripada Albert.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah premis di Bukit Bandaraya dan Presint 14, Putrajaya di sini, antara 7 Disember 2023 hingga 5 Mac 2024.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mana lebih tinggi.



BERITA HARIAN 05.12.2025 (JUMAAT)

Kes rasuah berkaitan kelulusan lesen penerokaan mineral di Sabah

Shamsul Iskandar, Albert mengaku tidak bersalah

Hadapi empat pertuduhan, mahkamah tetapkan 8 Januari sebutan kes

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin dan ahli perniagaan, Albert Tei masing-masing semalam didakwa di Mahkamah Sesyen di sini atas tuduhan menerima dan memberi rasuah.

Tuduhan rasuah itu berkaitan dengan kelulusan lesen penerokaan mineral di Sabah.

Shamsul Iskandar, 51, menghadapi empat pertuduhan menerima rasuah daripada Albert membabitkan nilai RM176,829.03 di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Dia mengaku tidak bersalah dan meminta dibicarakan terhadap semua pertuduhan.

Shamsul Iskandar memakai baju batik warna cerah dan ber-

seluar hitam kelihatan tenang ketika prosiding dan hanya menjawab "faham puan, tidak mengaku bersalah, mohon bicara."

Bagi tuduhan pertama, Shamsul Iskandar sebagai seorang ejen Kerajaan Malaysia iaitu Setiausaha Politik Kanan kepada Perdana Menteri, didakwa telah secara rasuah setuju terima untuk dirinya suapan, iaitu wang tunai RM100,000 daripada Albert Tei (Tei Jiann Cheing), sebagai dorongan bagi melakukan perbuatan berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

Ia dengan membantu syarikat yang Albert Tei mempunyai kepentingan mendapatkan kelulusan lesen penerokaan mineral di Sabah, walaupun sebenarnya perbuatan itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal prinsipal tertuduh.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di tempat letak kereta, YTL Majestic Hotel, No. 5, Jalan Sultan Hishamuddin, di sini, pada 24 November 2023.

Shamsul Iskandar juga didakwa memperoleh suapan untuk dirinya sendiri, iaitu wang tunai RM40,000 daripada Albert bagi tujuan sama di sebuah premis di Jalan Medang Serai, Bukit Ban-

daraya, di sini, pada 29 Januari 2024.

Dia turut didakwa atas dua lagi pertuduhan, iaitu memperoleh untuk dirinya sendiri satu suapan, iaitu kelengkapan perabot dan barangan elektrik bernilai RM14,580.03 dan RM22,249 daripada individu sama bagi tujuan sama.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah premis di Jalan Medang Serai, Bukit Bandaraya di sini, antara 7 Disember 2023 dan 31 Januari 2024 serta di Jalan P14a 1/1, Presint 14, Putrajaya, antara 26 Februari dan 5 Mac 2024.

Bagi keempat-empat tuduhan itu, Shamsul Iskandar didakwa mengikut seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Suzana kemudian membenarkan Shamsul Iskandar diikat jamin RM150,000 dengan dua orang penjamin dan memerintahkan tertuduh menyerahkan pasportnya kepada mahkamah sebagai syarat jaminan.

Hakim juga mengenakan syarat jaminan tambahan, iaitu tertuduh dilarang daripada meng-

ganggu saksi dan diarahkan melaporkan diri ke ibu pejabat SPRM sebulan sekali.

Selepas prosiding, Mohd Yusmadi berkata, Shamsul Iskandar membayar wang jaminan yang diperoleh menerusi kutipan dana.

Katanya, pihaknya dapat menyediakan wang ikat jamin itu melalui bantuan daripada kalangan pimpinan parti PKR dan rakan yang membuat kutipan.

Beliau berkata, Shamsul Iskandar tidak mampu menyediakan wang ikat jamin RM150,000 yang ditetapkan hakim.

Katanya, penjamin Shamsul Iskandar adalah seorang kenalan dari Melaka dan seorang bekas Angkatan Muda Keadilan (AMK).

Mohon dibicara

Sementara itu, Albert turut menghadapi empat tuduhan memberi rasuah kepada Shamsul Iskandar membabitkan wang tunai RM140,000 dan kelengkapan perabot, termasuk barangan elektrik bernilai RM36,829.

Albert, 37, juga mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan di atas semua tuduhan berkenaan yang didakwa dilakukan

pada 2023 dan 2024.

"Faham, saya mengaku tidak bersalah dan mohon untuk dibicarakan," katanya selepas tuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Suzana.

Mengikut tuduhan pertama hingga keempat, wang tunai dan barangan diberi ahli perniagaan itu adalah sebagai dorongan bagi membantu syarikat Albert mendapatkan kelulusan lesen penerokaan mineral di Sabah.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di tempat letak kereta sebuah hotel di Jalan Sultan Hishamuddin, Jalan Medang Serai, Bukit Bandaraya, di sini dan Presint 14, Putrajaya antara 24 November 2023 dan 5 Mac 2024.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Suzana kemudian membenarkan Albert diikat jamin RM70,000 dengan dua penjamin dan memerintahkan tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah serta melaporkan diri ke ibu pejabat SPRM sebulan sekali.

Mahkamah turut menetapkan 8 Januari bagi sebutan kes.



BERITA HARIAN 05.12.2025 (JUMAAT)

'Jangan sukarkan pemberi maklumat rasuah'

Kuala Lumpur: Badan Peguam Malaysia mencadangkan supaya Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dipinda supaya individu yang tampil awal, secara sukarela dan jujur harus diberikan perlindungan terhad dan bersyarat di bawah kawal selia yang ketat.

Presiden Badan Peguam Malaysia, Mohamad Ezri Abdul Wahab, berkata peruntukan di bawah akta sedia ada dilihat menjadikan pendedahan maklumat sangat sukar.

Beliau berkata, antara cadangan penambahbaikan ialah akta itu wajar lebih fleksibel berhubung kategori individu yang layak dilindungi, termasuk mereka yang mungkin terbabit secara sampingan dalam salah laku tetapi bukan dalang utama, selagi pendedahan mereka dibuat dengan tujuan membongkar ketidakpatuhan atau penyelewengan.

Selain itu, katanya, niat atau motif di sebalik pendedahan itu tidak seharusnya menjadi alasan utama untuk menafikan perlindungan kerana fokus utama un-

dang-undang berkenaan adalah memastikan maklumat mengenai salah laku dapat didedahkan tanpa rasa takut terhadap tindakan balas.

"Pendekatan sebegini adalah penting untuk menggalakkan lebih ramai tampil, sekali gus meningkatkan ketelusan dan integriti dalam sektor awam serta swasta," katanya.

Beliau berkata, ia akan mewujudkan perasaan saling tidak percaya sesama mereka yang melakukan salah laku kerana na tahu undang-undang boleh melindungi pemberi maklumat.

"Apabila melakukan salah laku, tidak boleh dibiarkan kepercayaan sesama sendiri wujud, sebaliknya semua yang terbabit perlu selalu berasa sangsi bahawa segala salah laku mereka akan terbongkar, dibongkar oleh orang yang terbabit kerana mendapat perlindungan," katanya.

Mohamad Ezri berkata, walaupun akta itu pernah dipinda bagi meluaskan skop, tetapi ia tidak mencukupi kerana dalam

kes rasuah, perlindungan yang lebih luas patut diberikan pemberi maklumat.

"Jika undang-undang tidak memberi perlindungan secukupnya, orang ramai memilih untuk berdiam diri dan kesalahan besar akan terus tersembunyi.

"Objektif perlindungan adalah bagi menggalakkan banyak laporan dibuat bagi mencapai objektif pencegahan. Cadangan pindaan akta ini bertujuan memperkuatkan usaha memerangi rasuah, bukan untuk mempertahankan mana-mana individu," katanya kepada *BH*, semalam.

Semalam, Ketua Pengerus Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata ahli perniagaan, Albert Tei, yang didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas kesalahan memberi rasuah kepada bekas Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin, tidak dilindungi di bawah Akta 711 kerana akta itu tidak me-



Mohamad Ezri

lindungi individu yang turut terbabit dalam salah laku jenayah.

Azam berkata, untuk mendapat perlindungan dalam akta itu, seseorang tidak boleh mendedahkan maklumat mengenai aktiviti jenayah dan kemudian memohon perlindungan.

Peguam Albert, La-theefa Koya pula berkata, penahanan anak guamnya oleh SPRM adalah tidak wajar kerana lelaki itu didakwa pemberi maklumat dan bukan penjenayah.

Beliau berkata, anak guamnya itu mendedahkan maklumat mengenai seorang pegawai tinggi di Sabah, namun mendakwa tiada tindakan diambil selepas hampir setahun laporan dibuat.

Mohamad Ezri berkata, Majlis Peguam pernah menghantar cadangan mengenai penambahbaikan akta itu kepada kerajaan, termasuk membabitkan aspek perlindungan saksi, justeru berharap ia dapat diteliti kerajaan.

Akta 711 dikuatkuasa pada 15 Disember 2010, bertujuan me-

rangi rasuah dan salah laku lain, dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar dalam sektor awam dan swasta.

Ia juga bagi melindungi orang membuat pendedahan itu daripada tindakan memudaratkan, termasuk tuduhan di mahkamah.

"Jika undang-undang terus menafikan perlindungan kepada sesiapa yang ada kaitan, walaupun bukan dalang utama, orang ramai tidak akan berani tampil ke hadapan.

"Perkataan *wilfully* yang dimasukkan dalam pindaan baharu membantu sedikit, tetapi tidak selesaikan isu apabila perlindungan masih bergantung sepenuhnya kepada budi bicara agensi.

"Motif juga terus menjadi faktor yang boleh menafikan perlindungan. Seksyen 11(1)(e) tidak diubah yang bermakna pekerja membuat laporan kerana takut tindakan majikan masih tidak dilindungi.

"Ini bertentangan dengan prinsip asas perlindungan pemberi maklumat, iaitu memastikan maklumat mengenai salah laku dapat didedahkan tanpa rasa takut," katanya.





HARIAN METRO
06.12.2025 (SABTU)

Ahli Parlimen disyaki rasuah ditahan

Kuala Lumpur: Seorang ahli Parlimen ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah petang kelmarin, bagi tujuan pendakwaan membabitkan kes usahasama ternakan lembu milik kerajaan negeri itu.

Menurut sumber, siasatan yang dijalankan sejak bulan Februari tahun ini membabitkan dakwaan penerimaan kira-kira RM400,000 sebagai balasan membantu mendapatkan hak penggunaan

tanah untuk projek fidlot.

"Kertas siasatan dibuka susulan aduan diterima 10 Februari lalu dan siasatan dijalankan dengan 15 saksi dirakam percakapan," katanya, semalam.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki mengesahkan tangkapan itu ketika dihubungi dan menyatakan individu terbabit dirakam percakapan mengikut Seksyen 53(3) Akta SPRM 2009 dan dilepaskan dengan jaminan.



HARIAN METRO
06.12.2025 (SABTU)



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

SALAH TADBIR URUS FELCRA

SPRM sedang jalan siasatan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menjalankan siasatan berhubung isu kelemahan tadbir urus dalam perolehan pajakan ladang sawit di Sabah dan Kelantan bernilai RM241.76 juta membabitkan FELCRA Berhad.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, berdasarkan input diterima daripada SPRM, agensi itu sudah pun mengambil maklum Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2/2025.

"Pada masa ini, SPRM sedang menjalankan siasatan berhubung perkara ini. Justeru itu, SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan itu, selaras dengan subseksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694).

"SPRM sentiasa komited dalam memastikan setiap dakwaan salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah ditangani secara tegas serta telus demi memastikan tadbir urus negara berada pada

tahap tertinggi.

"Langkah ini mengembalikan keyakinan rakyat terhadap integriti institusi awam," katanya dalam jawapan bertulis dipaparkan di laman sesawang Parlimen, semalam.

Azalina menjawab soalan **Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang)** berhubung sekiranya terdapat kertas siasatan SPRM dibuka terhadap laporan Ketua Audit Negara berkenaan salah tadbir urus FELCRA.

LKAN 2/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat Julai lalu mendedahkan pelbagai ketirisan dan kelemahan tadbir urus membabitkan kementerian, jabatan, agensi serta syarikat kerajaan dengan nilai keseluruhan projek diaudit mencecah RM48.87 bilion.

Selain isu FELCRA, antara isu lain disentuh termasuk membabitkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berhubung ketidaktelusan dalam proses perolehan tiga tender bernilai RM58.45 juta, termasuk pemilihan syarikat yang tidak disyorkan panel penilai.



HARIAN METRO
06.12.2025 (SABTU)

BANTU DAPATKAN KELULUSAN LESEN TEROKA MINERAL. SHAMSUL DIDAKWA TERIMA RM64,924

Oleh Muhamad
Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Shah Alam

Bekas Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan menerima rasuah.

Shamsul Iskandar, 51, membuat pengakuan itu sebaik semua pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Dia sebagai ejen kerajaan iaitu Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri didakwa secara rasuah memperoleh suapan berjumlah RM64,924 yang dimasukkan

ke dalam akaun CIMB Bank milik seorang wanita, Rahmalidya Buyong bagi tujuan pembayaran penyelesaian sebuah rumah di Jalan Medang Serai, Bukit Bandaraya Kuala Lumpur daripada Tei Jiann Cheing (Albert Tei).

Suapan itu sebagai dorongan bagi membantu syarikat yang Tei mempunyai kepentingan mendapatkan kelulusan lesen penrokaan mineral di Sabah.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di CIMB Bank Cawangan Country Heights, Kajang Selangor antara 28 November 2023 dan 23 September 2024.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 17(a) Akta

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Farah Ezlin Yusop Khan memohon menggunakan pakai jaminan RM150,000 dengan dua penjamin, serta syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri dua kali sebulan di pejabat

SPRM terdekat dan tidak mengganggu saksi sehingga kes selesai yang dite-

apkan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, kelmarin.

Farah Ezlin turut memohon kes berkenaan dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur mengikut Seksyen 104 Akta Mahkamah Rendah 1948, berikutan tertuduh juga didakwa dengan empat lagi pertuduhan rasuah di mahkamah berkenaan, kelmarin.

Tertuduh yang diwakili peguam Datuk Amer Hamzah Arshad tidak membantah permohonan itu.

Selain Amer Hamzah, tertuduh turut diwakili peguam Yusmadi Yusoff dan Joshua Tay.

Mahkamah kemudian membenarkan permohonan dikemukakan Farah Ezlin.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 8 Januari 2026.

Farah Ezlin
mohon guna pakai
jaminan RM150k
dengan dua penjamin



SHAMSUL Iskandar (tengah) dikenakan pertuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam. - Gambar NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI



HARIAN METRO
06.12.2025 (SABTU)

Oleh Muhamad Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

ALBERT NAFI BERSALAH

Ahli perniagaan minta dibicarakan atas tuduhan beri rasuah RM64,924 kepada bekas Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri

Ahli perniagaan, Albert Tei yang didakwa memberi rasuah kepada bekas Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin di hadapan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Albert Tei atau nama sebenarnya Tei Jiann Cheing, 37, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Berdasarkan pertuduhan, Tei didakwa memberikan suapan RM64,924 yang dimasukkan ke dalam akaun CIMB Bank milik seorang wanita, Rahmali-dya Buyong bagi tujuan pembayaran penyewaan sebuah rumah di Jalan Me-dang Serai, Bukit Bandara, Kuala Lumpur kepada Bekas Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin.

Suapan itu sebagai do-rongan bagi Shamsul Iskandar membantu syarikat yang Tei mempunyai kepentingan mendapatkan kelulusan lesen penerokaan mineral di Sabah.

Kesalahan berkenaan didakwa dilakukan di CIMB Bank Cawangan Country Heights, Kajang, Selangor antara 28 November 2023 dan 23 September 2024.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi.

Pendakwaan kes dikedalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Farah Ezlin Yusop Khan memohon menggunakan pakai jaminar RM70,000 dengan dua penjamin serta syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri setiap sebulan di pejabat SPRM terdekat dan tidak mengganggu saksi sehingga kes selesai yang ditetapkan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, kelmarin.

Farah Ezlin turut memohon kes berkenaan dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur mengikut Seksyen 104 Akta Mahkamah Rendah 1948, berikutan tertuduh juga didakwa dengan empat lagi pertuduhan rasuah di mahkamah berkenaan, kelmarin.

Peguam Eric Paulsen, Mahajoth Singh, N Surendran dan Rajesh Nagarajan yang mewakili tertuduh tidak membantah.

Mahkamah membenarkan permohonan dikesekukan Farah Ezlin.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 8 Januari tahun depan.

ALBERT dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.



BERITA HARIAN 06.12.2025 (SABTU)

17

Nasional

Ahli Parlimen Padang Serai sahkan ditahan SPRM

Alor Setar: Ahli Parlimen Padang Serai, Datuk Azman Nasrudin, mengesahkan beliau ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes projek usaha sama ternakan lembu kerajaan Kedah.

Bagaimanapun beliau mempersoalkan tindakan menukar statusnya daripada saksi kepada tertuduh.

Katanya, sebelum ini beliau hadir ke pejabat SPRM Kedah pada 25 Mac lalu sebagai saksi bagi membantu siasatan projek fidlot di bawah Kedah Agro, namun menerima arahan mengeset pagi kelmarin untuk bertemu pegawai penyiasat di hentian R&R Sungai Buloh arah utara.

"Setibanya di lokasi, saya dimaklumkan, saya bukan lagi dipanggil untuk memberi keterangan, sebaliknya akan didakwa di mahkamah.

"Pertukaran status ini terlalu drastik. Saya percaya ada unsur tekanan politik untuk menjatuhkan imej saya sebagai wakil rakyat Perikatan Nasional (PN)," katanya menerusi kenyataan video yang dimuat naik di media sosialnya, petang semalam.

Azman berkata, beliau turut dimaklumkan dua lagi individu akan dituduh bersamanya Isnin ini.

Katanya, walaupun tidak bersetuju cara penahanan itu dibuat, beliau tetap akan hadir jam 8.30 pagi Isnin ini, untuk mendengar pertuduhan dan mempertahankan dirinya di mahkamah.

Terdahulu, media melaporkan, SPRM menahan seorang ahli Parlimen susulan aduan pada 10 Februari lalu, membabitkan dakwaan menerima rasuah RM400,000 sebagai balasan membantu mendapatkan hak penggunaan tanah hak untuk projek fidlot dengan siasatan membabitkan 15 saksi sudah disiapkan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, mengesahkan penahanan dan memaklumkan ahli Parlimen itu dirakam percakapan mengikut Seksyen 53(3) Akta SPRM 2009 sebelum dibebaskan dengan jaminan sementara pendakwaan dibuat.

Azman Nasrudin



BERITA HARIAN
06.12.2025 (SABTU)

MCW sokong SPRM siasat pemberi, penerima rasuah

Kuala Lumpur: Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) memandang serius tindakan pihak tertentu yang cuba membentuk persepsi seolah-olah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertindak salah dalam siasatan membabitkan seorang saksi kes rasuah, Albert Tei, yang kini mengaku sebagai pemberi rasuah.

SPRM sebelum ini menegaskan tindakan penguatkuasaan yang dilakukan mengikut prosedur, tanpa kekerasan dan tanpa ancaman senjata seperti didakwa.

MCW menyifatkan usaha mempersoal integriti suruhanjaya itu sebagai cubaan melemahkan institusi penguatkuasaan melalui dakwaan tidak berasas.

Presiden MCW, Jais Abdul Karim, menerusi kenyataan semalam, menegaskan pemberi rasuah bukan *whistleblower*; sekaligus tidak layak untuk dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).

Katanya, perlindungan *whistleblower* hanya sah jika pelaporan dibuat sebelum melakukan kesalahan dan melalui saluran rasmi pihak berkuasa.

"Sesiapa yang mendedahkan maklumat kepada media atau media sosial sebelum melaporkannya kepada pihak berkuasa secara sah, secara automatik hilang status *whistleblower* dan tidak memiliki sebarang kekebalan.

"Oleh itu, status sebagai saksi kerajaan tidak memadamkan jenayah memberi rasuah dan tidak menjadikannya 'wira moral'," katanya.

Jais turut mengingatkan bahawa isu ini memperlihatkan trend berbahaya yang mana pemberi rasuah mengugut atau memperdaya undang-undang apabila tidak mendapat manfaat daripada jenayah yang mereka lakukan.



BERITA HARIAN 06.12.2025 (SABTU)

Kes rasuah berkaitan kelulusan lesen penerokaan mineral di Sabah

Shamsul Iskandar, Tei kena dakwa lagi

Mengaku tidak bersalah tuduhan rasuah RM64,924

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Bekas Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin dan ahli perniagaan, Albert Tei, sekali lagi didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas pertuduhan rasuah berjumlah RM64,924.

Shamsul Iskandar, 61, dan Albert Tei atau nama sebenarnya Tei Jiann Cheing, 37, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Mengikut pertuduhan, Shamsul Iskandar sebagai ejen kerajaan, iaitu Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri didakwa memperoleh suapan berjumlah RM64,924 yang dimasukkan ke dalam akaun CIMB Bank milik Rahmalidya Buyong bagi tujuan pembayaran penyewaan rumah di Jalan Medang Serai, Bukit Bandaraya Kuala Lumpur daripada Tei.

Suapan itu sebagai dorongan bagi membantu syarikat yang mempunyai kepentingan kepada Tei untuk mendapatkan kelu-

san lesen penerokaan mineral di Sabah.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di CIMB Bank Cawangan Country Heights, Kajang, Selangor di antara 28 November 2023 dan 23 September 2024.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Tei pula didakwa memberi suapan dalam bentuk wang tunai RM64,924 kepada Shamsul Iskandar dan didakwa mengikut Seksyen 17(b) akta sama.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Farah Ezlin Yusop Khan, memohon jaminan sebanyak RM150,000 dengan dua penjamin serta syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri dua kali sebulan di pejabat SPRM terdekat, selain tidak mengganggu saksi hingga kes selesai seperti ditetapkan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam.

Tei dibenar dengan jaminan RM70,000 dengan dua penjamin.

Farah Ezlin turut memohon kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur mengikut Seksyen 104 Akta Mahkamah Rendah 1948 berikutan tertuduh juga didakwa dengan empat lagi pertuduhan rasuah di mahka-



Shamsul Iskandar (gambar atas) dan Tei tiba di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

mah berkenaan, kelmarin.

Ketika prosiding, peguam Datuk Amer Hamzah Arshad dan Mahajoth Singh yang mengetuai barisan peguam mewakili Shamsul Iskandar dan Tei tidak membantah permohonan itu.

Mahkamah kemudian membenarkan permohonan berkenaan dengan sebutan semula kes ditetapkan pada 8 Januari 2026.

Kelmarin, Shamsul Iskandar dan Tei, masing-masing dibebaskan dengan ikat jamin RM150,000 dan RM70,000 selepas mengaku tidak bersalah terhadap empat pertuduhan rasuah sebanyak RM176,829.03.

Nafi konspirasi

Sementara itu, Tei menafikan dakwaan beliau berkonspirasi dengan Tun Dr Mahathir Mohamad susulan penulisan gambar mereka, baru-baru ini.

Tei berkata, gambar itu dira-

kam ketika beliau bertemu bekas perdana menteri itu buat kali pertama.

Katanya, beliau terkejut selepas membaca pelbagai komen dan tuduhan warganet yang mengaitkan foto berkenaan dengan pelbagai teori konspirasi.

"Saya terkejut bila tengok media sosial sampai ada yang kata saya berkonspirasi dengan Tun M, macam-macam cerita saya baca."

"Saya boleh bersumpah bahawa hari gambar itu diambil ialah kali pertama saya jumpa beliau. Saya pun tak tahu kenapa foto itu mengundang spekulasi sodangkan itu kali pertama saya jumpa dia," katanya.

Tei berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas prosiding pertuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, dan menyifatkan spekulasi yang tersebar di media sosial sebagai tidak berasas.



BERITA HARIAN
06.12.2025 (SABTU)

SPRM siasat perolehan pajakan sawit FELCRA di Sabah, Kelantan

Agensi fokus isu kelemahan tadbir urus bernilai RM241.76 juta didedah LKAN

Oleh Eric Gracelin Ajes
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menjalankan siasatan berhubung isu kelemahan tadbir urus dalam perolehan pajakan ladang sawit di Sabah dan Kelantan bernilai RM241.76 juta membabitkan FELCRA Berhad.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata berdasarkan input diterima da-

ripada SPRM, agensi itu sudah pun mengambil maklum Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2/2025.

"Pada masa ini, SPRM sedang menjalankan siasatan berhubung perkara ini. Justeru itu, SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan itu, selaras dengan subseksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694).

"SPRM sentiasa komited dalam memastikan setiap dakwaan salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah ditangani secara tegas serta telus demi memastikan tadbir urus negara berada pada tahap tertinggi.

"Langkah ini mengembalikan keyakinan rakyat terhadap integriti institusi awam," katanya dalam jawapan bertulis dipaparkan di laman sesawang Parlimen.

Azalina menjawab soalan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang) berhubung se-

kiranya terdapat kertas siasatan SPRM dibuka terhadap laporan Ketua Audit Negara berkenaan salah tabir urus FELCRA.

LKAN 2/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat Julai lalu mendedahkan pelbagai ketirisan dan kelemahan tadbir urus membabitkan kementerian, jabatan, agensi serta syarikat kerajaan dengan nilai keseluruhan projek diaudit mencecah RM48.87 bilion.

Tiga tender UKM disiasat

Selain isu FELCRA, antara isu lain disentuh, termasuk membabitkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berhubung ketidaktelusan dalam proses perolehan tiga tender bernilai RM58.45 juta, termasuk pemilihan syarikat yang tidak disyor-

kan oleh panel penilai. Selain itu, Tentera Darat Malaysia (TDM) mengenai kelewatan pembekalan dan perkhidmatan kenderaan perisai memba-



Wisma FELCRA Berhad di Setapak, Kuala Lumpur.

bitkan denda tidak dikutip berjumlah RM162.75 juta, serta perolehan bernilai RM107.54 juta dilakukan secara pecah kecil.

Turut disentuh dalam laporan ialah kelemahan pengurusan

subsidi minyak masak dan kaedah perolehan tender baharu 'Pre-Qualification Terpilih' yang membuka ruang kepada manipulasi serta melambatkan proses perolehan.



BERITA HARIAN
08.12.2025 (ISNIN)

SPRM akan dakwa Ahli Parlimen Padang Serai disyaki subahat rasuah

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mendakwa Ahli Parlimen Padang Serai, Datuk Azman Nasrudin atas pertuduhan disyaki bersubahat menerima rasuah, di Mahkamah Shah Alam, hari ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata Azman akan dituduh Seksyen 28 (1) (c) Akta SPRM 2009 dengan satu pertuduhan, iaitu bersubahat menerima rasuah.

Selain Azman, katanya, seorang ahli perniagaan juga akan dituduh mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009 dengan dua pertuduhan, iaitu meminta dan menerima rasuah.

"Seorang Ahli Parlimen dan seorang ahli perniagaan yang disyaki berhubung dakwaan ra-

PN serah kepada SPRM siasat Ahli Parlimen Padang Serai



Keratan akhbar BH semalam.

suah yang berkaitan dengan usaha sama penternakan lembu milik kerajaan negeri Kedah akan didakwa Isnin ini (hari ini).

"SPRM mendapat izin mendakwa kedua-dua suspek berkenaan dan pertuduhan akan dibuat di Mahkamah Shah Alam," katanya dalam kenyataan, di sini kelmarin.

Media sebelum ini melaporkan, SPRM Kedah menahan Az-

man bagi tujuan pertuduhan selepas agensi itu mendapat izin mendakwa satu kes membabitkan usaha sama ternakan lembu milik kerajaan negeri.

Menurut sumber, siasatan yang dijalankan sejak Februari

tahun ini membabitkan dakwaan penerimaan kira-kira RM400,000 sebagai balasan membantu mendapatkan hak penggunaan tanah untuk projek fi-





SINAR HARIAN
09.12.2025 (SELASA)

Azman didakwa subahat kes rasuah

Berkaitan projek
penterbangan lembu
pedaging kerajaan
Kedah lima tahun lalu

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

SHAH ALAM - Ahli Parlimen Padang Serai, Datuk Azman Nasrudin mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesi di sini pada Isnin, atas satu pertuduhan bersubahat berhubung kes rasuah RM400,000 dalam projek penterbangan lembu pedaging milik kerajaan Kedah, lima tahun lalu.

Azman, 53, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Mengikut pertuduhan, Azman didakwa bersubahat dengan seorang ahli perniagaan, Amar Assuat Abu Bakar, 41, untuk melakukan kesalahan menerima suapan RM400,000 daripada seorang ahli perniagaan berusia 39 tahun.

Ia sebagai upah membantu lelaki itu mendapatkan Projek Usahasama Ternakan Lembu Pedaging Secara Fidlol di Ladang Fidlol Kedah Agro, Mukim

Sungai Laka, Kubang Pasu daripada Kedah Agro Holding Berhad (KAHB).

Mengikut pertuduhan, Azman didakwa mengarahkan Ketua Pegawai Eksekutif KAHB mengeluarkan surat tawaran kepada ahli perniagaan terbabit bagi projek itu.

Kesalahan didakwa dilakukan di tepi jalan berhadapan pejabat sebuah syarikat di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi di sini jam 5 petang 23 Jun 2020.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Muaz Ahmad Khairuddin mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin sebanyak RM100,000 dengan seorang penjamin termasuk syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Bagaimanapun, peguam, N Surendran yang mewakili tertuduh merayu anak guamnya dikenakan hukuman minimum dengan alasan ahli politik itu perlu menyara lima anak dan ibu yang berusia 82 tahun di Sungai Petani.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Mohd Nasir kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM75,000 dengan seorang penjamin dan memenuhi syarat tambahan yang dicadangkan

oleh pihak pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 13 Januari 2026.

Sementara itu, bercakap dalam sidang akhbar di pekarangan mahkamah, Azman mendakwa pertuduhan terhadapnya sengaja dibuat bagi mengalihkan perhatian daripada kes-kes lain yang lebih besar, antaranya isu rakaman video 13 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah.

Jelasnya, ia termasuk pendakwaan kes rasuah membabitkan bekas Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin.

"Semua ini berlaku mungkin disebabkan teguran saya mengenai soalan di Parlimen baru-baru ini.

"Disebabkan perkara itu, saya diduduh dengan kes yang tidak berasas malah dalam kertas pertuduhan, tidak dinyatakan bahawa saya meminta mahupun menerima rasuah.

"Nampak wayang lebih, saya harap tiada pihak menggunakan kuasa untuk menekan orang lain tapi dalam masa sama, menggunakan kuasa untuk kepentingan peribadi," katanya yang ditemani peguam, Afiq Nordin.



Azman mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesi Shah Alam atas pertuduhan bersubahat berhubung kes rasuah RM400,000 dalam projek penterbangan lembu pedaging kerajaan Kedah lima tahun lepas.

INFO

- Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 28 (1) (c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, dibaca bersama Seksyen 16 (a) (A) akta sama yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta serupa.
- Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.



BERITA HARIAN
09.12.2025 (SELASA)

Tuduhan subahat terima rasuah RM400,000

Ahli Parlimen Padang Serai didakwa

Azman mengaku tidak bersalah kes projek ternakan lembu secara Fidlot

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Ahli Parlimen Padang Serai, Datuk Azman Nasrudin didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas tuduhan bersubahat menerima rasuah RM400,000 berkaitan perternakan lembu milik kerajaan negeri Kedah, lima tahun lalu.

Azman, 53, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Menurut pertuduhan, tertuduh didakwa bersubahat dengan ahli perniagaan, Amar Assuat Abu Bakar, 41, untuk melaku-

kan suatu kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 iaitu Amar Assuat secara rasuah menerima bagi dirinya suapan wang tunai RM400,000 daripada Mohd Hassanaim Fauzi.

Suapan itu sebagai upah baginya membantu Mohd Hassanaim mendapatkan Projek Usahasama Ternakan Lembu Pedaging Secara Fidlot di Ladang Fidlot Kedah Agro, Mukim Sungai Laka, daerah Kubang Pasu, Kedah daripada Kedah Agro Holding Berhad (KAHB).

Kesalahan itu didakwa dilakukan hasil persubahatan Ahli Parlimen berkenaan yang mengarahkan Ketua Pegawai Eksekutif KAHB untuk mengeluarkan surat tawaran kepada Mohd Hassanaim bagi projek ternakan itu.

Kesalahan didakwa dilakukan Ahli Parlimen Bersatu itu di

tepi Jalan Medan Pusat 2D, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi pada jam 5 petang, 23 Jun 2020.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 28(1)(c) dibaca bersama Seksyen 16(a)(A) akta sama yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.



Azman Nasrudin

Timbalan Pendakwa Raya, Muaz Ahmad Khairuddin Ahmad mencadangkan jaminan RM100,000 dengan syarat tambahan passport diserahkan kepada mahkamah.

Peguam N Surendran yang mewakili Azman membantah cadangan pihak pendakwaan dengan menyatakan jaminan itu terlalu tinggi dan memohon mahkamah mengenakan jaminan lebih rendah

terhadap anak guamnya.

"Tertuduh adalah wakil rakyat dan mempunyai seorang isteri suri rumah dan lima anak, selain menanggung ibu berusia 82 tahun," katanya.

Selain Surendran, tertuduh turut diwakili peguam Sasha Lyna Abdul Latif, Nizamuddin Hamid, Shahid Adli dan Afiq Nordin.

Ikat jamin RM75,000

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM75,000 dengan seorang penjamin, passport diserahkan kepada mahkamah serta melapor diri di pejabat SPRM terdekat setiap bulan.

Hakim menetapkan 13 dan 17 Januari tahun depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Sementara itu, pada sidang media selepas proses jaminan selesai kira-kira jam 2.30 petang semalam itu, Azman memaklumkan akan memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi untuk membatalkan pertuduhan bersubahat menerima sua-

pan RM400,000 yang dikenakan terhadapnya.

Azman berkata, pertuduhan mengikut Seksyen 28(1)(c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 itu tidak menunjukkan sebarang perbuatan menerima atau meminta wang dilakukan olehnya.

Katanya, butiran pertuduhan hanya menyatakan tuduhan bersubahat tanpa disertakan sebarang bukti yang boleh mengaitkan dirinya dengan perbuatan rasuah.

"Pertuduhan dikenakan terhadap saya tidak membuktikan saya menerima atau meminta wang. Saya hanya dituduh bersubahat mengarahkan, tanpa apa-apa bukti mengaitkan saya.

"Barisan peguam saya akan memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi untuk mengetepikan pertuduhan ini dan kami akan lawan kes ini sepe- nuhnya," katanya.

Permohonan berkaitan pertuduhan dan arahan passport akan difailkan sebelum tarikh sebutan semula pada 13 Januari 2026.



HARIAN METRO
09.12.2025 (SELASA)

Oleh Muhammad Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Shah Alam

Peguam dakwa pertuduhan cacat

KES RASUAH AZMAN NASRUDIN

Pasukan pembelaan Ahli Parlimen Padang Serai, Datuk Azman Nasrudin mendakwa pertuduhan bersubahat rasuah ke atas wakil rakyat itu tidak berasas dan defektif (cacat).

Justeru, peguam N Surendran berkata, pihaknya akan memfailkan permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk membatalkan pertuduhan terbabit sebelum tarikh sebutan semula kes pada 13 Januari depan.

"Pertuduhan di bawah Seksyen 28(1)(c) Akta SPRM 2009 itu kononnya dibuat atas dakwaan Azman bersubahat dengan individu lain dalam kapasitinya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kedah Agro Holdings Berhad (KAHB) namun perincian pertuduhan itu langsung tidak menunjukkan sebarang kesalahan. "Daripada perincian pertuduhan, tidak ada fakta yang menunjukkan sebarang kelakuan salah oleh Azman.

"Oleh itu, pertuduhan ini adalah tidak berasas dan kami akan memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi untuk membatalkannya," katanya ketika ditemui pemberita di pekarangan Kompleks Mahkamah Shah Alam di sini, semalam.

Terdahulu, Azman mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, atas pertuduhan bersubahat menerima rasuah RM400,000 berkaitan Projek Usahasama Ternakan Lembu Pedaging Secara Fidlol milik Kerajaan Negeri Kedah.

Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin kemudiannya membenarkan Ahli Parlimen Bersatu itu itu diikat jamin sebanyak RM75,000 dengan seorang penjamin, selain mengeluarkan perintah supaya pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun, pihak pembelaan membantah arahan penyerahan pasport itu kerana ia tidak berasas memandangkan Azman adalah Ahli Parlimen dengan rekod yang baik serta tiada risiko melarikan diri.

"Tidak ada sebab mengapa pasport beliau perlu diambil memandangkan beliau adalah seorang Ahli Parlimen yang dengan rekod (hadir sidang Dewan Rakyat) yang baik, jelas tidak ada isu bahawa beliau akan melarikan diri dan sebagainya.

"Justeru, kita akan memfailkan semakan di Mahkamah Tinggi untuk mencabar perintah itu," kata Surendran.

AZMAN (tiga dari kiri) hadir di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.



HARIAN METRO
09.12.2025 (SELASA)

Ahli perniagaan tak mengaku terima rasuah RM400,000

Shah Alam: Seorang ahli perniagaan didakwa mempunyai kaitan dengan Ahli Parlimen Padang Serai di hadapan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah RM400,000 berkaitan penernakan lembu milik Kerajaan Negeri Kedah, lima tahun lalu.

Amar Assuat Abu Bakar, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik kedua-dua pertuduhan diba-

cakan di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Berdasarkan pertuduhan pertama, lelaki itu didakwa secara rasuah meminta suapan RM400,000 daripada Mohd Hassanaim Fauzi, 39, sebagai dorongan membantu Mohd Hassanaim mendapatkan Projek Usahasama Ternakan Lembu Pedaging Secara Fidlot di Ladang Fidlot Kedah Agro, Mukim Sungai Laka, daerah Kubang Pasu, Kedah daripada Kedah Agro

Holding Berhad.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah restoran di Jalan Medan Pusat 2D, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi pada 20 Jun 2020.

Bagi pertuduhan kedua, Amar Assuat didakwa secara rasuah menerima suapan RM400,000 bagi projek sama di tepi Jalan Medan Pusat 2D, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi, pada jam 5 petang, 23 Jun 2020.

Bagi kedua-dua pertuduhan itu, dia dituduh melaku-

kukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya, Muaz Ahmad Khairu-

ddin Ahmad mencadangkan jaminan RM200,000 dengan syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Peguam R Yogananthan yang mewakili Amar Assuat membantah cadangan pihak pendakwaan dengan menyatakan jaminan itu terlalu tinggi dan memohon mahkamah mengenakan jaminan RM30,000 terhadap anak guamnya.

"Anak guam saya sudah berkeluarga dan mampu

nyai tiga anak, termasuk seorang sedang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM75,000 dengan seorang penjamin, serta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan melapor diri di pejabat SPRM terdekat setiap bulan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 13 Januari depan.



BERITA HARIAN 11.12.2025 (KHAMIS)

Dakwaan wang perlindungan di Pasar Borong Selayang SPRM gesa pengadu tampil salur maklumat rasmi

Kuala Selangor: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meminta mana-mana pihak yang mendakwa terpaksa membayar wang perlindungan kepada pihak tertentu ketika operasi penguatkuasaan di Pasar Borong Selayang baru-baru ini, tampil menyalurkan maklumat rasmi bagi membolehkan siasatan dibuat.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata isu dakwaan peniaga memberi wang kepada agensi penguat kuasa bukan perkara baharu, namun tuduhan yang hanya dibuat meneru-

si media massa dan media sosial tanpa laporan rasmi tidak akan menyelesaikan masalah.

"Perkara ini baru timbul dalam media, tetapi pada saya ia (wang perlindungan) isu lama peniaga yang mendakwa memberi wang kepada agensi penguat kuasa, saya berharap mereka yang mendakwa ini datang kepada SPRM.

"Kita sudah ada undang-undang dan mereka juga tertakluk kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat, perkara ini telah kita hebahkan berulang kali," katanya ketika ditemui

pada program SPRM-UiTM Inspira 2025: Hari Integriti dan Kepimpinan di UiTM Cawangan Puncak Alam di sini, semalam.

Azam turut menyampaikan syarahan Leadership Talk: 'Inspirasi Integriti Bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM' yang turut dihadiri Naib Canselor UiTM, Datuk Prof Dr Shahrin Sahib @ Sahibuddin; Rektor UiTM Cawangan Selangor, Prof Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman; Dekan Fakulti Perakaunan, Prof Dr Norli Ali dan Pemangku Timbalan Pesuruhjaya SPRM dan Pengarah SPRM Selangor,

Mohd Azwan Ramli.

Azam berkata, dakwaan yang hanya dibuat secara umum juga tidak adil kepada agensi penguat kuasa yang dituduh tanpa bukti kukuh.

"Kalau mereka setakat bercakap dengan media atau media sosial, perkara ini tidak akan selesai. Pada saya menuduh agensi penguat kuasa secara umum tidak adil," katanya.

Katanya, SPRM juga perlu berlaku adil kepada semua pihak, termasuk individu atau agensi yang ditohmah menerima rasuah serta pihak yang di-

dakwa memberi.

Adam Radlan janji pulang

Sementara itu, Azam berkata, ahli perniagaan, Adam Radlan Adam Muhammad, yang ketika ini berada di luar negara, berjanji untuk pulang membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap projek Lebuhraya MEX2.

SPRM turut menerima surat jaminan firma guaman, Tetuan Shafee & Co, mewakili Adam Radlan yang mengesahkan komitmen anak guam mereka untuk hadir memberi keterangan.



BERITA HARIAN 11.12.2025 (KHAMIS)

Dakwaan wang perlindungan di Pasar Borong Selayang SPRM gesa pengadu tampil salur maklumat rasmi

Kuala Selangor: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meminta mana-mana pihak yang mendakwa terpaksa membayar wang perlindungan kepada pihak tertentu ketika operasi penguatkuasaan di Pasar Borong Selayang baru-baru ini, tampil menyalurkan maklumat rasmi bagi membolehkan siasatan dibuat.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata isu dakwaan peniaga memberi wang kepada agensi penguat kuasa bukan perkara baharu, namun tuduhan yang hanya dibuat meneru-

si media massa dan media sosial tanpa laporan rasmi tidak akan menyelesaikan masalah.

"Perkara ini baru timbul dalam media, tetapi pada saya ia (wang perlindungan) isu lama peniaga yang mendakwa memberi wang kepada agensi penguat kuasa, saya berharap mereka yang mendakwa ini datang kepada SPRM.

"Kita sudah ada undang-undang dan mereka juga tertakluk kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat, perkara ini telah kita hebahkan berulang kali," katanya ketika ditemui

pada program SPRM-UiTM Inspira 2025: Hari Integriti dan Kepimpinan di UiTM Cawangan Puncak Alam di sini, semalam.

Azam turut menyampaikan syarahan Leadership Talk: 'Inspirasi Integriti Bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM' yang turut dihadiri Naib Canselor UiTM, Datuk Prof Dr Shahrin Sahib @ Sahibuddin; Rektor UiTM Cawangan Selangor, Prof Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman; Dekan Fakulti Perakaunan, Prof Dr Norli Ali dan Pemangku Timbalan Pesuruhjaya SPRM dan Pengarah SPRM Selangor,

Mohd Azwan Ramli.

Azam berkata, dakwaan yang hanya dibuat secara umum juga tidak adil kepada agensi penguat kuasa yang dituduh tanpa bukti kukuh.

"Kalau mereka setakat bercakap dengan media atau media sosial, perkara ini tidak akan selesai. Pada saya menuduh agensi penguat kuasa secara umum tidak adil," katanya.

Katanya, SPRM juga perlu berlaku adil kepada semua pihak, termasuk individu atau agensi yang dituduh menerima rasuah serta pihak yang di-

dakwa memberi.

Adam Radlan janji pulang

Sementara itu, Azam berkata, ahli perniagaan, Adam Radlan Adam Muhammad, yang ketika ini berada di luar negara, berjanji untuk pulang membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap projek Lebuhraya MEX2.

SPRM turut menerima surat jaminan firma guaman, Tetuan Shafee & Co, mewakili Adam Radlan yang mengesahkan komitmen anak guam mereka untuk hadir memberi keterangan.



SINAR HARIAN
16.12.2025 (SELASA)

19 pegawai AKPS KLIA dikenakan tindakan

Kesalahan libatkan pelanggaran integriti, cap keselamatan dan flying passport

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

SEPANG - Seramai 19 pegawai Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dikenakan tindakan tatatertib selepas didapati terlibat dalam pelbagai kesalahan yang melibatkan pelanggaran integriti dan prosedur kerja.

AKPS KLIA dalam satu kenyataan pada Isnin memaklumkan, keputusan itu dibuat hasil persidangan Lembaga Tatatertib pada Jumaat.

"Seramai 19 pegawai terlibat didapati bersalah atas pelbagai kesalahan antaranya tidak hadir bertugas, langgar prosedur kerja berkaitan cap keselamatan masuk/keluar negara.



"Kesemua mereka dikenakan tindakan tatatertib antaranya amaran, tangguh pergerakan serta penurunan gaji, ia selaras dengan peraturan perkhidmatan awam yang berkuat kuasa," katanya.

Selain itu, AKPS KLIA turut membuka 43 kes siasatan tatatertib melibatkan isu integriti pegawai berhubung pelbagai kesalahan, termasuk pelanggaran Prosedur Operasi Standard (SOP), prosedur dan peraturan kerja.

"Ia melibatkan penggunaan cap keselamatan masuk dan keluar negara, kawalan pemeriksaan kaunter serta kesalahan berkaitan amaran flying passport dan counter setting yang menjejaskan integriti kawalan sempadan negara," katanya.

AKPS KLIA menegaskan tidak akan berkompromi terhadap sebarang bentuk salah laku terutamanya dalam aspek kawalan masuk dan keluar negara yang merupakan elemen kritikal keselamatan negara.

Seramai 19 pegawai AKPS KLIA dikenakan termasuklah amaran, tangguh pergerakan serta penurunan gaji.
- Gambar hiasan



BERITA HARIAN 24.12.2025 (RABU)

Isu aliran tunai ke akaun pegawai tentera

SPRM mula siasat dakwaan rasuah pegawai kanan ATM

Siasatan awal fokus kepada projek dilaksana melalui perolehan tender terbuka

Olivia Suroya Ali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam mengunjungi pejabat di Kementerian Pertahanan bagi memulakan siasatan awal terhadap beberapa projek membabitkan Tentera Darat sejak 2023.

Tindakan itu susulan dakwaan yang dibangkitkan aktivis mengenai kemasukan wang tunai mencurigakan ke dalam akaun bank pegawai kanan tentera yang membawa kepada siasatan awal itu.

Sumber berkata, kira-kira jam 11.30 pagi semalam, pegawai SPRM berada di Kementerian Pertahanan.

Menurut sumber itu, siasatan bertumpu kepada projek yang dilaksanakan melalui perolehan tender terbuka serta perolehan yang dijalankan di bawah Pusat Tanggungjawab Tentera Darat.

"Transaksi kewangan mencu-

rigakan yang dikaitkan dengan individu tertentu yang dinamakan dalam dakwaan itu juga akan diteliti," kata sumber berkenaan.

Siasatan secara profesional

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan, satu kertas siasatan dibuka di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 berhubung dakwaan rasuah yang membabitkan pegawai kanan tentera.

Beliau menegaskan, semua siasatan SPRM dijalankan secara bebas dan profesional, berasaskan fakta serta bukti semata-mata dan selaras dengan peruntukan undang-undang.

Kelmarin, seorang aktivis politik yang juga Ketua BERSATU

Bahagian Port Dickson, Badrul Hisham Shaharin atau lebih dikenali sebagai Chegubard mendakwa terdapat kemasukan wang tunai dalam jumlah besar dikesan dalam akaun bank seorang pegawai kanan tentera dan ahli keluarganya.

Pada sidang media di luar Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD)

Dang Wangi, selepas membuat laporan mengenai dakwaan itu, Chegubard dilaporkan berkata, audit forensik ke atas dokumen diterimanya mendedahkan deposit bulanan antara RM50,000 hingga RM60,000.

Beliau dilaporkan berkata do-

kumen itu menunjukkan pemin-dahan wang beratus ribu ringgit ke akaun yang dikaitkan dengan pegawai itu dan mendakwa dana itu dipindahkan daripada akaun milik syarikat yang memperoleh projek berkaitan tentera.

Susulan laporan itu, SPRM menyatakan kesediaan untuk menyiasat dakwaan terbabit dan tidak akan teragak-agak menjalankan siasatan sekiranya disokong oleh maklumat serta bukti yang sahih.

Selain itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Kha-

led Nordin, dilaporkan berkata pihaknya memberi perhatian serius terhadap dakwaan itu dan menghormati sepenuhnya proses undang-undang yang akan dilaksana serta menegaskan komitmen terhadap pematuhan undang-undang dan prinsip keadilan.

Beliau berkata, pihaknya akan menunggu hasil siasatan rasmi sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan lanjut atau mengambil tindakan seterusnya selaras peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.



Pegawai penyiasat SPRM disahkan hadir di Kementerian Pertahanan, semalam. (Foto hiasan)



BERITA HARIAN 24.12.2025 (RABU)

Lebih RM8.4b hasil suapan sudah dirampas, dipulihkan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merampas dan memulihkan hasil rasuah lebih RM8.4 bilion menerusi pelbagai tindakan penguatkuasaan sejak awal tahun ini sehingga 30 November lalu.

SPRM menerusi kenyataan semalam, memaklumkan daripada jumlah itu, sitaan aset mencatat nilai tertinggi membabitkan RM6.82 bilion iaitu sebanyak RM6.26 bilion dilakukan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA), manakala RM566.77 juta lagi disita mengikut Akta SPRM 2009.

"Aset bernilai RM36.14 juta turut dibekukan mengikut AMLATFPUAA 2001, selain melucutkan aset berjumlah RM7.49 juta melalui pelbagai peruntukan undang-undang, termasuk Akta SPRM 2009 dan Kanun Tatacara Jenayah.

"Bagi tindakan kompaun pula, SPRM mengutip RM49.58 juta, manakala kaedah lain pemulihan aset menyumbang nilai besar iaitu RM1.49 bilion," kata kenyataan itu.

SPRM berkata, dari segi operasi, sebanyak 6,114 maklumat berkaitan rasuah diterima sepanjang tempoh sama.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 966 kertas siasatan dibuka selain 1,128 tangkapan dilakukan seterusnya membawa kepada 445 pertuduhan dan 189 sabitan di mahkamah.

"Berdasarkan analisis tangkapan menunjukkan sektor swasta mencatat jumlah tertinggi dengan 504 individu, diikuti penjawat awam (423 orang), orang awam (163), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seramai 34 orang dan empat ahli politik.

"Mengikut jantina, lelaki mendominasi penahanan dengan 904 orang, berbanding 224 wanita," katanya.

SPRM berkata, semua nilai rampasan dan sitaan itu membabitkan siasatan dijalankan termasuk kes rasuah membabitkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Operasi lain iaitu Ops Rentas, Ops Tiger, Ops Metal, Ops Grip, Ops Kembali, Ops Sky dan Ops Sohor.

"Prestasi ini mencerminkan pendekatan tegas SPRM bukan sahaja dalam aspek penahanan dan pendakwaan, malah menumpukan pemulihan aset sebagai strategi utama memerangi rasuah dan jenayah kewangan," katanya.



BERITA HARIAN
24.12.2025 (RABU)

Chegubard akan hadir serah maklumat

Kuala Lumpur: Ketua BERSATU Bahagian Port Dickson, Badrul Hisham Shaharin atau lebih dikenali Chegubard mengesahkan akan hadir ke Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini bagi menyerahkan maklumat berkaitan dakwaan rasuah membabitkan pegawai kanan tentera.

Ia susulan kenyataan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, yang memintanya tampil mengemukakan bukti berhubung dakwaan aliran masuk tunai berskala besar ke dalam akaun individu terbabit.

Chegubard dalam satu kenyataan, semalam berkata, beliau akan menyerahkan maklumat yang sudah didedahkan kepada media sebelum ini, selain mak-

lumat tambahan berkaitan kes rasuah berprofil tinggi.

"Saya berharap kehadiran saya dapat disambut secara profesional dan tertib. Saya juga memohon peluang untuk bertemu secara langsung dengan Tan Sri Azam Baki bagi memberikan

penjelasan menyeluruh mengenai maklumat penting ini," katanya dalam kenyataan di Facebook.

Mengulas mengenai maklumat balas Kementerian Pertahanan, Chegubard menghargai kesediaan Menteri Pertahanan, Datuk

Seri Mohamed Khaled Nordin, untuk membiarkan pihak berkuasa menjalankan siasatan.

Bagaimanapun, beliau mendesak agar tindakan tegas diambil demi menjaga integriti pasukan keselamatan negara.

"Saya setuju pihak berkuasa menjalankan siasatan, namun saya mendesak demi keteguhan integriti, pegawai kanan terbabit perlu direhatkan atau digantung tugas sebelum pihak berkuasa mengesahkan pendedahan dan tindakan lanjut," katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan atas sokongan yang diterima daripada anggota, pegawai dan veteran tentera dari seluruh negara yang mahukan pembersihan dilakukan dalam institusi terbabit.

"Saya juga memohon peluang untuk bertemu secara langsung dengan Tan Sri Azam Baki bagi memberikan penjelasan menyeluruh mengenai maklumat penting ini"

Badrul Hisham Shaharin,
Ketua BERSATU Bahagian Port Dickson





HARIAN METRO
25.12.2025 (KHAMIS)

Oleh T.N. Alagesh
am@hmetro.com.my

Kuantan

Bekas pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Pahang serta seorang artis kebudayaan dipenjarakan enam bulan dan didenda RM10,000 selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana memalsukan dokumen bayaran kepada perkhidmatan bekalan tidak wujud lima tahun lalu.

Hakim Sazlina Safie turut memerintahkan Dayang Kartini Awang Bujang, 49, dan penggiat seni budaya Mardziana Che Mohd Amin, 39, menjalani tambahan hukuman penjara enam bulan jika gagal membayar denda ditetapkan.

Mereka didakwa dengan niat bersama memalsukan dokumen arahan pembayaran perkhidmatan menyediakan aksesori set kepala pelanduk untuk kumpulan kesenian jabatan berkenaan berjumlah RM9,920.

Bagaimanapun, perkhidmatan itu tidak dilaksanakan

Dijel 6 bulan kerana 'set kepala pelanduk'

Bekas pengarah JKKN Pahang, artis budaya palsukan dokumen arahan bayaran RM9,920 juga diperintah bayar denda RM10,000



DAYANG Kartini (depan) bersama Mardziana (belakang) didapati bersalah atas kesalahan niat bersama memalsukan dokumen arahan pembayaran perkhidmatan menyediakan aksesori set kepala pelanduk berjumlah RM9,920 pada Jun 2020.

kan syarikat terbabit dan tertuduh memalsukan dokumen untuk niat menipu.

Kesalahan itu dilakukan di pejabat JKKN Pahang di sini pada 26 Jun 2020.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan dan sabit kesalahan boleh dipenjarakan maksimum tujuh tahun dan denda.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohamad Fadhly Mohd Zamry. Manakala Dayang Kartini diwakili peguam Azi Azlin Zulkifli dan Mardziana diwakili peguam Taufek Razak.

Kedua-dua tertuduh mengaku tidak bersalah ketika didakwa pada 20 Januari 2022 dan sepanjang tempoh perbicaraan 16 saksi dipanggil memberi keterangan. Sazlina membenarkan hukuman penjara ditangguhkan sementara menunggu rayuan kedua-dua tertuduh di Mahkamah Tinggi.

Mahkamah menetapkan jumlah jaminan dinaikkan kepada RM12,000 daripada RM10,000 sebelum ini.



HARIAN METRO
25.12.2025 (KHAMIS)

Oleh Ilah Hafiz Aziz
am@hmetro.com.my

**Bekas menteri
kini dalam
radar SPRM!**

**Bekas pemimpin terkenal dipercayai terlibat
seleweng pemindahan tanah bernilai tinggi**

Seorang bekas menteri yang pernah berkhidmat dalam Kabinet kerajaan sebelum era COVID-19 kini berada dalam fokus siasatan terbaharu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Difahamkan, bekas pemimpin terkenal dan pernah didakwa di mahkamah atas beberapa kes rasuah beberapa tahun lalu itu, kini turut berada dalam radar siasatan ekoran dakwaan penyelewengan sewaktu berkhidmat dalam sebuah kementerian.

Siasatan SPRM ketika ini adalah membabitkan pemindahan sebidang tanah milik kerajaan yang bernilai tinggi kepada seorang pemaju hartanah terkemuka.

Difahamkan, tindakan itu mempunyai unsur rasuah dan penyelewengan, malah melalui maklumat terbaharu yang dilaporkan orang awam itu, menyebabkan SPRM membuka kertas siasatan, biarpun bekas pemimpin itu sudah lama tidak berkhidmat dalam kerajaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki, mengesahkan pihaknya sudah membuka kertas siasatan terbaharu mengenai kes itu.

Beliau turut mengesahkan, beberapa individu penting akan dipanggil untuk membantu siasatan.

"Ya saya sahkan dan akan memanggil beberapa individu dalam siasatan itu," katanya kepada BH, di sini semalam.

Sementara itu, laporan NST menyebut SPRM memperoleh "maklumat perisikan baharu" pada penghujung bulan lalu iaitu hampir sedekad selepas penyelewengan itu berlaku.

Sumber berkata, se-

lain siasatan terhadap proses pemindahan sebidang tanah milik kerajaan, SPRM juga menyiasat projek pembinaan papan iklan pengiklanan yang dilakukan kementerian itu.

Katanya, siasatan ini masih dijalankan bagi meneliti hubungan antara bekas menteri berkenaan dengan syarikat-syarikat yang terbabit.

Sumber juga berkata,

"SPRM akan memanggil beberapa individu"
Azam

siasatan awal mendapati kes ini mencecah "jutaan ringgit."

"Sebagai sebahagian daripada siasatan, SPRM sedang dalam proses mendapatkan dokumen-dokumen berkaitan. Ia juga akan memanggil beberapa individu untuk membantu siasatan.

"Siasatan membabitkan kepentingan awam dan menjadi punca SPRM meneruskan siasatan terhadap kes berkenaan.

"SPRM juga percaya kes itu berpotensi membawa kepada pemulihan kerugian yang berkaitan dengan ketirisan aset dan dana awam," katanya.



HARIAN METRO 25.12.2025 (KHAMIS)

OPERASI SPRM

Nilai pemulihan aset, sitaan serta pelucuthakan cecah lebih RM8.4b

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaksanakan pelbagai siasatan berprofil tinggi tahun ini termasuk membabitkan bekas Perdana Menteri, pegawai penguat kuasa dan institusi perbankan dengan nilai pemulihan aset, sitaan serta pelucuthakan mencecah lebih RM8.4 bilion setakat 30 November.

Dalam satu kenyataan, SPRM memaklumkan antara kes utama ialah siasatan rasuah dan pengubahan wang haram melibatkan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang membabitkan rampasan pelbagai mata wang bernilai lebih RM169 juta dan 16 kilogram jongkong emas dari sebuah rumah selamat.

"Pada 1 Oktober, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur membenarkan wang yang disita itu dilucuthakan kepada kerajaan Malaysia selepas tiada pihak menuntut wang berkenaan," menurut

kenyataan itu.

Selain itu, SPRM turut melaksanakan OPS Rentas pada 10 September bagi membanteras rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawai penguat kuasa dipercayai terlibat kegiatan *counter setting* di pintu masuk antarabangsa negara.

Operasi di Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor itu menahan 27 individu termasuk 18 pegawai penguat kuasa manakala 57 akaun bank bernilai kira-kira RM2.7 juta dibekukan.

Menerusi OPS Tiger, SPRM mendakwa 49 individu termasuk pegawai dan bekas pegawai beberapa institusi perbankan di Mahkamah Sesyen Shah Alam dari 7 hingga 26 November atas kesalahan menerima rasuah bagi memudahkan kelulusan pinjaman perumahan.

SPRM turut membongkar sindiket penyeludupan

besi buruk menerusi OPS Metal pada 14 Julai yang melibatkan lima negeri dan menyebabkan kerugian hasil cukai eksport dianggarkan melebihi RM950 juta, dengan nilai sitaan pelbagai aset lebih RM182 juta.

Operasi di 18 lokasi itu dijalankan oleh Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM menerusi Pasukan Petugas Pelbagai Agensi (MATF) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Bank Negara Malaysia.

Sementara itu, OPS Karen pada 2 September menyita lima kapal dan 4.21 juta liter diesel haram di sekitar Beluran dan perairan ESSCOM, Sabah dengan nilai keseluruhan aset RM32.07 juta selain membekukan akaun bank bernilai RM25 juta.

Pada 29 September, pelaksanaan OPS Grip yang menyasarkan sindiket penyeludupan tayar dan pe-



AHLI perniagaan, Albert Tei dibawa pegawai SPRM untuk permohonan reman bagi membantu siasatan berhubung dakwaan rasuah di Mahkamah Majistret Putrajaya pada 29 November lalu. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

malsuan dokumen import serta eksport melibatkan rampasan 17,672 biji tayar, sitaan enam gudang dan pembekuan akaun bernilai kira-kira RM70 juta.

SPRM juga melaksanakan OPS Kembali susulan pendedahan video tular membabitkan wanita dan ahli perniagaan Albert Tei yang juga melibatkan bekas Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin.

Tiga individu itu ditahan

pada 27 dan 28 November dengan Tei dan Shamsul Iskandar didakwa di mahkamah pada 4 Disember.

Pelaksanaan OPS Sky meyakinkan SPRM mendakwa 16 individu termasuk pegawai dan bekas pegawai institusi perbankan serta merampas kira-kira 4,000 dokumen dan membekukan 98 akaun bank bernilai RM17.4 juta.

Berdasarkan statistik SPRM, sitaan berjumlah RM566.77 juta di bawah Akta SPRM 2009 dan RM6.26

bilion mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLA/ATFPUAA) 2001 selain pembekuan aset bernilai RM36.14 juta direkodkan sehingga 30 November.

Sepanjang tempoh sama, SPRM menerima 6,114 maklumat, membuka 966 kertas siasatan, menahan 1,128 individu, memfailkan 445 pertuduhan dan merekodkan 189 sabitan.



HARIAN METRO
27.12.2025 (SABTU)

Didenda RM16k terima suapan RM2,000

Kuantan: Seorang penolong jurutera Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) didenda RM16,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas didapati bersalah atas dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM2,000 pada 2022.

Hakim Sazlina Safie turut memerintahkan tertuduh, Mohd Yusrizal Md Ledza, 43, di penjara enam bulan bagi setiap pertuduhan jika gagal membayar denda.

Mengikut pertuduhan pertama, Mohd Yusrizal didakwa menerima suapan RM1,000 daripada seorang wanita yang dipindahkan secara dalam talian ke dalam akaun miliknya sedangkan tertuduh mengetahui wanita itu mempunyai hubungan dengan tugas rasminya.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di CIMB Bank cawangan Temerloh pada 7 Mac 2022.

Tertuduh juga didakwa menerima suapan RM1,000 daripada wanita itu di tempat sama pada 23 Mac 2022.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau dengan denda, atau kedua-duanya jika disabitkan.

Terdahulu peguam Datuk Zaharman Zainal Abidin memohon hukuman minimum dikenakan terhadap anak guamnya dengan pendapatan RM4,200 sebulan serta menanggung seorang isteri dan tiga anak.

"Tertuduh juga sudah insaf dan berjanji tidak ulangi perbuatan itu.

"Oleh itu, mahkamah juga diharap memberi pertimbangan atas faktor kesalahan pertama dan kerjasama yang diberikan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan mahkamah sepanjang kes," katanya.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Muhammad Asraf Mohamed Tahir membantah rayuan itu sebaliknya memohon mahkamah menjatuhkan hukuman lebih berat sebagai pengajaran kepada tertuduh.



MOHD Yusrizal didenda RM16,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuantan selepas didapati bersalah atas dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM2,000 pada 2022. - Gambar NSTP/ASROL AWANG



HARIAN METRO
27.12.2025 (SABTU)

PEROLEHAN PROJEK TENTERA DARAT

SPRM rakam keterangan 3 individu

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah merakam keterangan tiga individu bagi membantu siasatan berhubung perolehan projek Tentera Darat, Rabu lalu.

Menurut sumber, SPRM turut mempergiat siasatan berhubung kes terbabit yang dimulakan 23 Disember lepas dengan membuat semakan akaun disyaki terbabit rasuah perolehan.

"Siasatan awal mendapati bermula 2023 sehingga 2025, perolehan Tentera Darat yang melebihi RM500,000 adalah sebanyak 158 projek manakala bagi perolehan di bawah RM500,000 pula 4,521

projek.

"Semakan awal terhadap kesemua projek tersebut mendapati terdapat beberapa buah syarikat kerap memperoleh projek dengan nilai yang tinggi dan perkara terbabit agak meragukan," katanya.

Menurut sumber, semakan terperinci masih belum dilakukan mengenai profiling syarikat-syarikat yang menerima kontrak ini.

Sebelum ini, SPRM mengambil aduan dan merakam keterangan aktivis Badrul Hisham Shaharin atau lebih dikenali Chegubard di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya, kira-kira 12 tengah hari mengenai perincian maklumat yang beliau peroleh.

Pada Selasa lepas, pegawai SPRM telah hadir ke Kementerian Pertahanan dan tumpuan terarah kepada projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tentera Darat.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki mengesahkan satu kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Beliau berkata semua siasatan dijalankan secara bebas dan profesional, berasaskan fakta serta bukti, selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.



SINAR HARIAN
30.12.2025 (SELASA)

6 akaun dibeku, 40 syarikat disiasat

SPRM serbu pejabat,
kediaman rasmi
pegawai atasan ATM
terpalit rasuah

Oleh MUHAMMAD
AMINURALIF MOHD ZOKI

PUTRAJAYA – Jam tangan dan beg tangan mewah antara barangan bernilai tinggi yang dirampas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan serbuan hampir tujuh jam di pejabat Tentera Darat di Kementerian Pertahanan (MINDEF) di Kuala Lumpur serta kediaman rasmi seorang pegawai kanannya, Sabtu lalu.

Menurut sumber, penggeledahan yang bermula kira-kira jam 5 petang hingga 12 tengah malam itu tidak menemukan sebarang wang tunai, namun membawa kepada sitaan beberapa barangan mewah yang dipercayai mempunyai kaitan langsung dengan siasatan kes rasuah melibatkan projek perolehan Tentera Darat Malaysia.

"Bagaimanapun serbuan membawa kepada sitaan beberapa barangan mewah bernilai tinggi termasuk jam tangan dan beg tangan yang dipercayai berkait dengan siasatan," katanya pada Isnin.

Sumber sama memaklumkan, pegawai kanan Tentera Darat terbabit sepatutnya hadir ke Ibu



LAPORAN
MUKA
DEPAN

Pejabat SPRM untuk dirakam keterangan pada Ahad, namun dikejarkan ke hospital sebelum dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU).

"Setakat ini, suspek masih menerima rawatan dan belum dapat dirakam keterangan," katanya.

Menurut sumber itu, siasatan kini memfokuskan kepada aliran wang yang disyaki masuk ke dalam akaun milik pegawai kanan Tentera Darat berkenaan, yang sedang disiasat sebagai suspek dalam kes rasuah membabitkan perolehan projek Tentera Darat.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Azam Baki, mengesahkan satu kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

"Pegawai SPRM turut men-

jalankan penggeledahan di beberapa syarikat yang dipercayai terbabit bagi mendapatkan dokumen dan bahan bukti berkaitan," katanya pada Isnin.

Beliau turut mengesahkan enam akaun bank milik suspek serta ahli keluarganya telah disita bagi membantu siasatan.

Sementara itu, kira-kira 40 syarikat kini sedang disiasat SPRM kerana disyaki terbabit dalam pemberian wang rasuah berkaitan projek perolehan Tentera Darat, dengan siasatan dijalankan secara berperingkat.

Menurut sumber, siasatan terhadap syarikat-syarikat berkenaan melibatkan aspek aliran kewangan, dokumentasi perolehan serta kaitan antara individu dan syarikat yang dipercayai terlibat.

"SPRM sedang meneliti kira-

FAKTA RINGKAS SIASATAN SPRM

Tarikh serbuan:
Sabtu 27 Disember
2025

Tempoh operasi:
5 petang - 12
tengah malam

Lokasi: MINDEF
& kediaman rasmi
pegawai kanan
Tentera Darat, KL

**RAMPASAN
& TINDAKAN**

Wang tunai: Tiada

Barangan disita:
Jam tangan &
beg tangan mewah

Akaun bank disita:
6 akaun (suspek &
ahli keluarga)

**SKALA
SIASATAN**

**Syarikat
disiasat:** 40

Saksi dipanggil: 10 orang

**Pemilik syarikat
dirakam
keterangan:** 5 orang

ASPEK UNDANG-UNDANG

Akta: Akta SPRM 2009

Seksyen: 17(a)
- menerima suapan

DAKWAAN AWAL

Aliran bulanan: RM50,000
- RM60,000

Pemindahan besar:
Ratusan ribu ringgit
(Masih dalam siasatan)

kira 40 syarikat yang disyaki terlibat dalam pemberian wang rasuah dan siasatan ke atas syarikat-syarikat ini dibuat secara berperingkat," katanya.

Setakat ini, SPRM telah merakam keterangan lima pemilik syarikat, manakala jumlah keseluruhan saksi yang dipanggil bagi membantu siasatan mencecah 10 orang, termasuk kontraktor yang dipercayai memperoleh projek berkaitan Tentera Darat.

Menurut sumber, siasatan turut tertumpu kepada projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tentera Darat di MINDEF.

Pada 24 Disember lalu, SPRM turut merakam keterangan Ketua

Bersatu Bahagian Port Dickson, Badrul Hisham Shaharin atau Chegubard, berhubung maklumat berkaitan dakwaan aliran tunai besar ke dalam akaun seorang pegawai Tentera Darat dan ahli keluarganya.

Chegubard sebelum ini mendakwa audit forensik dokumen tanpa nama menunjukkan kemasukan wang RM50,000 hingga RM60,000 setiap bulan, selain pemindahan dana lebih besar mencecah ratusan ribu ringgit daripada syarikat-syarikat yang memperoleh projek ketenteraan.

SPRM menegaskan siasatan masih berjalan dan semua dakwaan akan dinilai secara profesional berdasarkan bukti serta peruntukan undang-undang sedia ada.



SINAR HARIAN
30.12.2025 (SELASA)

Bekas menteri disyaki terima rasuah RM5 juta dan Lamborghini



PUTRAJAYA - Seorang bekas menteri dirakam keterangan oleh SPRM berhubung dakwaan menerima rasuah wang tunai kira-kira RM5 juta serta sebuah kereta mewah Lamborghini, dipercayai berkait projek papan iklan dan pemindahan tanah di Ibu negara.

Menurut sumber, berdasarkan maklumat awal SPRM, wang tunai berkenaan disyaki diterima daripada sebuah syarikat pe-

maju, manakala kereta mewah itu pula didakwa disumbangkan oleh syarikat pembuat papan iklan.

"Bekas menteri terbabit hadir ke Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya untuk dirakam keterangan dan siasatan kini menumpukan kepada punca pembayaran serta pemilikan kereta mewah berkenaan," katanya pada Isnin.

Bagi kes berkaitan tanah, siasatan awal mendapati beberapa lot tanah yang sebelum ini digazetkan untuk pembinaan surau dipercayai telah dipindah milik kepada sebuah syarikat proksi.

SPRM sedang meneliti proses serta kelulusan pemindahan tanah itu bagi mengenal pasti sebarang

unsur salah guna kuasa atau penerimaan suapan.

Setakat ini, 16 saksi terdiri daripada kakitangan kerajaan dan pemilik syarikat telah dirakam keterangan bagi membantu siasatan kedua-dua kes berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Azam Baki, mengesahkan satu kertas siasatan telah dibuka membabitkan bekas menteri berkenaan. Beliau berkata, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009 berkaitan kesalahan menerima suapan.

"Buat masa ini, tiada sebarang sitaan aset atau pembekuan akaun dilakukan," katanya ringkas.



HARIAN METRO
30.12.2025 (SELASA)

KES DISIASAT SPRM

Pegawai kanan masuk wad ICU

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seorang pegawai kanan Tentera Darat yang sedang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dikejarkan ke hospital dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) kelmarin.

Terdahulu pegawai SPRM melakukan penggeledahan di pejabat pegawai kanan terbabit di Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan kediaman rasminya Sabtu lalu.

Menurut sumber, penggeledahan bermula sekitar 5 petang hingga 12 tengah malam.

"Penggeledahan tidak

menghasilkan sebarang sitaan wang tunai. Namun SPRM menyita beberapa barangan mewah bernilai tinggi termasuk jam tangan dan beg tangan yang dipercayai berkait dengan siasatan," kata sumber itu.

Menurut sumber sama, suspek sepatutnya hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM kelmarin namun beliau telah dikejarkan ke hospital dan dimasukkan ke ICU.

"Setakat ini, suspek masih menerima rawatan dan belum dapat dirakam keterangan.

"Siasatan ketika ini memfokuskan kepada aliran wang yang disyaki masuk ke dalam akaun milik seorang pegawai kanan Tentera Darat yang kini disiasat sebagai suspek dalam satu kes rasuah me-

libatkan projek perolehan Tentera Darat Malaysia," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, sumber memaklumkan bahawa siasatan tetap diteruskan dengan memanggil saksi-saksi utama melibatkan kontraktor yang dipercayai memperoleh projek berkaitan Tentera Darat.

"SPRM sudah merakam keterangan lima pemilik syarikat dan jumlah keseluruhan saksi yang telah dipanggil bagi membantu siasatan adalah 10 orang," katanya.

Sumber turut mendedahkan bahawa SPRM sedang menyiasat kira-kira 40 syarikat yang disyaki terbabit dalam pemberian wang rasuah, dan siasatan terhadap syarikat-syarikat berkenaan sedang dijalankan secara berperingkat.

SPRM dijangka terus memperluaskan siasatan termasuk aspek aliran kewangan, perolehan projek dan kaitan individu serta syarikat yang terlibat, selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta SPRM 2009.

Pada Selasa lalu, pegawai SPRM hadir ke Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan tumpuan terarah kepada projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tentera Darat.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan satu kertas siasatan dibuka di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

"Pegawai SPRM menja-

lankan penggeledahan di beberapa syarikat yang dipercayai terbabit bagi mendapatkan dokumen dan bahan bukti berkaitan," katanya.

Beliau juga mengesahkan bahawa enam akaun bank yang dipegang oleh suspek dan ahli keluarganya disita dalam siasatan ini.

Pada 24 Disember lalu, SPRM mengambil aduan dan merakam keterangan Ketua BERSATU Bahagian Port Dickson, Chegubard atau nama sebenar, Badrul Hisham Shaharin di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya, kira-kira jam 12 tengah hari mengenai perincian maklumat yang beliau peroleh.

Chegubard sebelum ini mendakwa terdapat 'aliran tunai besar' dikesan dalam

akaun bank seorang pegawai dan ahli keluarganya, yang disyaki berpunca daripada syarikat-syarikat yang memperoleh projek ketenteraan.

Beliau merujuk kepada audit forensik dokumen yang diterimanya tanpa nama, mendakwa pegawai berkenaan menerima wang antara RM50,000 hingga RM60,000 setiap bulan ke dalam akaun bank.

Dokumen berkenaan, dakwanya, turut menunjukkan pemindahan wang dalam jumlah lebih besar, mencecah ratusan ribu ringgit ke dalam akaun yang dikaitkan dengan pegawai terbabit.

Beliau juga mendakwa dana itu dipindahkan daripada akaun syarikat-syarikat yang telah memperoleh projek ketenteraan.



BERITA HARIAN
30.12.2025 (SELASA)

Kes projek papan iklan dan pemindahan tanah

SPRM rakam keterangan, siasat bekas menteri

Disyaki terima
rasuah wang
RM5 juta,
kereta mewah
Lamborghini

Oleh Haniffa Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merakam keterangan seorang bekas menteri kerana

disyaki menerima rasuah wang kira-kira RM5 juta dan kereta mewah jenis Lamborghini membabitkan projek papan iklan dan pemindahan tanah di ibu negara.

Menurut sumber, bekas menteri terbabit datang ke Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya semalam bagi dirakam keterangan dan siasatan pada peringkat mengesan punca pembayaran kereta mewah berkenaan.

"Bagi kes pemindahan tanah pula, siasatan awal mendapati tanah yang sebelum ini digazetkan untuk pembinaan surau, dipindah milik kepada satu syarikat proksi," katanya.

Sumber memaklumkan seramai 16 saksi yang terdiri daripada kakitangan kerajaan dan pemilik syarikat sudah dirakam keterangan bagi membantu siasatan.

SPRM Ketuk Talaq
Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki mengesahkan satu kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009 dan setakat ini, tiada sitaan aset atau pembekuan akaun dilakukan.

Sebelum ini, media melaporkan seorang bekas menteri yang pernah berkhidmat dalam Kabinet sebelum era COVID-19 berada

dalam radar siasatan SPRM, susulan dakwaan penyelewengan sewaktu berkhidmat di sebuah kementerian, membabitkan pemindahan sebidang tanah milik kerajaan yang bernilai tinggi kepada seorang pemaju hartanah terkemuka.



Azam
Baki



BERITA HARIAN 30.12.2025 (SELASA)

Barang mewah disita dalam operasi geledah pejabat, kediaman pegawai kanan tentera darat

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggeledah pejabat pegawai kanan tentera darat di Kementerian Pertahanan serta di kediaman rasmi pegawai berkenaan, Sabtu lalu.

Sumber berkata, penggeledahan bermula jam 5 petang hingga 12 tengah malam.

"Penggeledahan tidak menghasilkan sebarang sitaan wang tunai. Namun SPRM menyita beberapa barang mewah bernilai tinggi, termasuk jam tangan dan beg tangan mewah yang dipercayai berkait dengan siasatan," katanya.

Pada 24 Disember lalu, SPRM merakam keterangan Ketua BERSATU Bahagian Port Dickson, Chegubard atau nama sebenar Badrul Hisham Shaharin di Putrajaya.

Chegubard sebelum ini mendakwa terdapat 'aliran tunai besar' dikesan dalam akaun bank seorang pegawai dan ahli keluarganya, yang disyaki berpuncu daripada syarikat-syarikat yang memperoleh projek ketenteraan.

Beliau merujuk kepada audit forensik dokumen yang diterimanya tanpa nama, mendakwa pegawai berkenaan menerima wang antara RM50,000 hingga RM60,000 setiap bulan ke dalam akaun bank.

Sementara itu, sumber berkata, suspek sepatutnya hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM kelmarin, namun beliau dikejarkan ke hospital dan

Zuhelmy memangku tugas Panglima Angkatan Tentera

Keratan akhbar BH 28 Disember 2025

dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU).

"Setakat ini, suspek masih menerima rawatan dan belum dapat dirakam keterangan.

"Siasatan ketika ini memfokuskan kepada aliran wang yang

disyaki masuk ke dalam akaun milik seorang pegawai kanan Tentera Darat, yang kini disiasat sebagai suspek dalam satu kes rasuah membabitkan projek perolehan Tentera Darat Malaysia," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, siasatan tetap diteruskan dengan memanggil saksi-saksi utama seperti kontraktor yang dipercayai memperoleh projek berkaitan Tentera Darat.

"Setakat ini, SPRM merakam keterangan lima pemilik syarikat dan jumlah keseluruhan saksi yang sudah dipanggil bagi

membantu siasatan ialah 10 orang," katanya.

Sumber turut mendedahkan SPRM sedang menyiasat kira-kira 40 syarikat yang disyaki terlibat dalam pemberian wang rasuah dan siasatan terhadap syarikat-syarikat berkenaan sedang dijalankan secara berperingkat.

SPRM dijangka terus memperluaskan siasatan termasuk aspek aliran kewangan, perolehan projek dan kaitan individu serta syarikat yang terlibat, selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta SPRM 2009.

